

**Presiden Yemen sedia undur dalam 90 hari akhiri krisis 9 bulan**  
**Reuters**  
**15 November , 2011**

SANAA, 15 Nov. — Presiden Yemen Ali Abdullah Saleh berjanji yang beliau bersedia untuk melepaskan jawatannya dalam 90 hari sebaik sahaja mencapai perjanjian berkenaan proses formal untuk melaksanakan inisiatif Teluk yang bertujuan menamatkan krisis sembilan bulan negara itu.

Ali Abdullah, yang enggan menandatangani perjanjian yang disyorkan oleh enam negara Majlis Kerjasama Teluk pada April lalu memberitahu stesen televisyen Perancis Channel 24 bahawa beliau telah memberi kuasa kepada timbalannya Abd-Rabbu Mansour Hadi untuk berunding dengan pihak pembangkang.

Ketika ditanya bila beliau akan berhenti Ali Abdullah berkata: "Apabila satu perjanjian inisiatif Teluk dicapai."

"Dan, apabila ia ditandatangani dan mekanisme operasi dipersetujui dan apabila pilihan raya diadakan, presiden akan pergi," katanya.

Ketika ditanya sama ada akan ada satu tempoh tertentu bagi beliau melepaskan jawatan, Ali Abdullah memberitahu: "Ia sudah ditentukan. Ia dalam tempoh 90 hari (dari perjanjian)."

"Saya sudah 33 tahun berada dalam kuasa dan saya tahu kesukaran, saya tahu negatif dan yang positif. Seseorang yang terus berpegang dalam kuasa adalah gila," katanya lagi. — Reuters

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:  
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/presiden-yemen-sedia-undur-dalam-90-hari-akhiri-krisis-9-bulan/>